



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1994

BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE*

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan meminda syarat kelayakan menuntut Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

KELAYAKAN BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE*

2. Kerajaan telah menyemak semula syarat kelayakan untuk mendapatkan Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* yang menghendaki seseorang pegawai mengemukakan surat jemputan untuk hadir dimajlis rasmi yang memerlukan pegawai memakai pakaian *Black Tie* dan golongan pegawai yang layak menuntut kemudahan ini.

3. Berikutan dengan itu, Kerajaan memutuskan supaya semua pegawai di dalam perkhidmatan yang dikehendaki memakai pakaian istiadat semasa menghadiri upacara rasmi adalah layak menuntut Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*. Sehubungan dengan itu, Kerajaan juga memutuskan supaya syarat mengemukakan surat jemputan dibatalkan.

4. Dengan keputusan ini peruntukan mengenai kelayakan Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* seperti yang dibekalkan di perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1993 adalah dipinda seperti berikut:

3. Pegawai Kerajaan yang dikehendaki memakai pakaian istiadat semasa menghadiri upacara rasmi adalah juga layak menuntut Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*. Tuntutan itu boleh dibuat berdasarkan harga resit tertakluk kepada had maksimum RM500.00 untuk tempoh 3 tahun sekali.


TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

14 Februari 1994

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

s.k.:

**Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengarah Badan-badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan**